

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-614
BIL. 8/2025 PADA 25 OGOS 2025**

**1. PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT
KEHORMATAN NEGERI PULAU PINANG (DKBP) TAHUN 2025**

Bersempena Hari Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang ke-84 pada 12 Julai 2025, Tuan Yang Terutama Tun berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri kepada mereka yang telah berjasa kepada Negara / Negeri dalam apa jua lapangan.

Tahniah diucapkan kepada penerima-penerima yang terdiri daripada dua (2) orang Ahli Majlis MBSP dan 19 orang pegawai dan kakitangan MBSP atas kurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 2025. Senarai penerima adalah seperti berikut :-

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN / BAHAGIAN	KURNIAAN PINGAT
1.	AZMAN BIN RAHIM	AHLI MAJLIS	-	PINGAT KELAKUAN TERPUJI (PKT)

2.	MOHAMAD AISAMUDDIN BIN MOHAMAD KAMAN	AHLI MAJLIS	-	PINGAT JASA KEBAKTIAN (PJK)
3.	JA'AFAR BIN ISMAIL	PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA	DIREKTORAT PENGUATKUASAAN	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
4.	ZANZURI BIN HASHIM	PENOLONG PEGAWAI SENIBINA	BANGUNAN	PINGAT JASA KEBAKTIAN (PJK)
5.	MOHD HAFIZ BIN MD NOR	PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN	LANDSKAP	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
6.	INTAN BINTI MD JASNI	PEMBANTU TADBIR KANAN	PELESENAN	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
7.	NOMADIAH BINTI PUTEH	PEMBANTU TADBIR KANAN	BANGUNAN	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
8.	NOR AZLINA BINTI MOHD SAID	PEMBANTU TADBIR KANAN	PERANCANG BANDAR	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
9.	MASITAH BINTI MANSOR	PEMBANTU TADBIR KANAN	PERKHIDMATAN KESIHATAN	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
10.	EASWARI PRADHAA A/P MANOGRAN	PEMBANTU TADBIR KANAN	KORPORAT	PINGAT JASA KEBAKTIAN (PJK)

11.	ROSALI BIN ABDULLAH @ OTHMAN	PEMBANTU PENGUATKUASA	DIREKTORAT PENGUATKUASAAN	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
12.	AHMAD BIN ABDULLAH	PEMBANTU KHIDMAT AM	PERKHIDMATAN PERBANDARAN	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
13.	ROSLAN BIN MAT ZAIN	PEMBANTU KHIDMAT AM	LANDSKAP	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
14.	AZMAN BIN ISAHAK	PEMBANTU KHIDMAT AM	PERKHIDMATAN KESIHATAN	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
15.	JAMIL BIN BUDIN	PEMBANTU KHIDMAT AM	PERKHIDMATAN KESIHATAN	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
16.	KHAIRUL NIZAM BIN MUHAMAD ROSLI	PEMBANTU KHIDMAT AM	PENGURUSAN KRISIS	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
17.	SAIDIL OMAR BIN AWANG	PEMBANTU KHIDMAT AM	PENGURUSAN KRISIS	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
18.	ZULKIFLI BIN YAHAYA	PEMBANTU KHIDMAT AM	PENGURUSAN KRISIS	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
19.	MOHAMAD NAHAR BIN SALLEH	PEMBANTU KHIDMAT AM	PERHUBUNGAN KOMUNITI	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)

20.	ROSHIDI BIN ISMAIL	PEMBANTU KHIDMAT AM	PELESENAN	PINGAT JASA MASYARAKAT (PJM)
21.	MUNIANDY A/L KATTAN	PEMBANTU KHIDMAT AM	PERKHIDMATAN PERBANDARAN	PINGAT JASA KEBAKTIAN (PJK)

2. TARIKH AKHIR PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGKAL KEDUA 2025 & PROMOSI KHAS TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI

Adalah dimaklumkan bahawa **PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGKAL KEDUA 2025 & PROMOSI KHAS TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI** telah bermula pada **1 Julai 2025** dan akan tamat pada **31 Ogos 2025**. Promosi ini diadakan khas kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun bagi tahun 2025 berserta tunggakan (jika ada) melalui **saluran *online*, kiosk dan agensi kutipan yang telah dilantik sahaja.**

Sebanyak **30 hadiah cabutan bertuah** telah disediakan oleh MBSP dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	Wang Tunai RM5,555.00
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM4,000.00
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM3,000.00
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM2,000.00
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM1,000.00
Tempat Ke-6	Wang Tunai RM700.00
Tempat Ke-7	Wang Tunai RM500.00
Tempat Ke-8	Wang Tunai RM400.00
Tempat Ke-9	Wang Tunai RM300.00
Tempat Ke-10	Wang Tunai RM200.00
Tempat Ke-11 hingga Tempat Ke-30	Wang Tunai RM100.00

Serta sebanyak **tiga (3) hadiah cabutan bertuah** telah ditaja oleh ASPIRE Seberang perai dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	3 gm gold bar
Tempat Ke-2	2 gm gold bar
Tempat Ke-3	1 gm gold bar

Saya dengan ini menyeru sekali lagi kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2025 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda untuk menyertai cabutan bertuah.

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my.

3. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 3 SEPTEMBER 2025

Dimaklumkan bahawa, 31 Ogos 2025 (Ahad) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Kedua 2025. Mulai 3 September 2025 (Rabu), caj Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Adalah digalakkan supaya pemilik premis membuat pembayaran **secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan** yang telah dilantik MBSP.

Semakan dan pembayaran juga boleh dibuat di semua kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda dan Kaunter Cawangan Jawi & Kampung Jawa.

4. SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1447H / 2025M

Tanggal 12 Rabiulawal dalam bulan hijrah Islam merupakan satu tarikh keramat dalam sejarah umat Islam di seluruh dunia. Kedatangan Nabi Muhammad SAW merupakan satu rahmat terbesar dan anugerah teragung yang Allah berikan kepada alam semesta ini. Oleh itu, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita sekali lagi diberi peluang untuk menyambut hari kelahiran junjungan kita, Nabi Muhammad SAW.

Sambutan Maulidur Rasul 1447H/2025M bersamaan dengan tahun 1447H akan disambut pada hari Jumaat, 5 September 2025 yang merupakan cuti hari kelepasan am di Malaysia. Sambutan ini adalah bagi memperingati kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembawa rahmat kepada sekalian alam. Sambutan Maulidur Rasul bukan sekadar sambutan tahunan, tetapi juga merupakan ruang untuk kita memperkukuhkan jati diri dan memperingati akhlak Rasulullah SAW yang penuh kasih sayang, keadilan dan hikmah. Baginda ialah contoh terbaik dalam kepimpinan, kemasyarakatan, dan penyatuan ummah.

Bersempena sambutan ini, marilah kita bersama-sama menghayati tema Maulidur Rasul tahun ini "**Membangun Ummah MADANI**" dan menerapkan nilai-nilai murni Islam dalam kehidupan seharian, seiring dengan gagasan Malaysia MADANI, yang menekankan ihsan, hormat, keadilan dan kesejahteraan bersama.

Saya juga mengajak seluruh warga Seberang Perai khususnya untuk terus bersatu hati, memperkukuh perpaduan dan menyuburkan budaya saling menghormati dalam masyarakat majmuk yang kita cintai ini.

Selamat Menyambut Maulidur Rasul 1447H / 2025M.

Semoga kita sentiasa berada di bawah lindungan dan rahmat Allah SWT.

5. SAMBUTAN HARI MALAYSIA TAHUN 2025

Sempena Sambutan Hari Malaysia Tahun 2025, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia kepada seluruh warga Seberang Perai khususnya dan warga Pulau Pinang umumnya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, 15 September 2025 (Isnin) telah diisytiharkan sebagai cuti umum tambahan sempena sambutan Hari Malaysia yang akan disambut pada 16 September 2025. Pengisytiharan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada seluruh rakyat untuk meraikan perpaduan negara, mempereratkan hubungan kekeluargaan dan memeriahkan cuti panjang hujung minggu.

Tema sambutan kali ini adalah **“Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni”** yang mencerminkan fokus kerajaan terhadap pembangunan seimbang dari aspek rohani dan material serta keutamaan terhadap kebajikan rakyat. Tema ini juga menekankan

nilai kemanusiaan, keadilan, perpaduan serta prinsip Madani seperti kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan.

Marilah kita manfaatkan cuti panjang ini bukan sekadar untuk berehat dan bersilaturahmi tetapi juga untuk memperkuat semangat cinta kepada negara. Semoga melalui semangat “Rakyat Disantuni”, kita dapat bersama-sama membina sebuah komuniti yang inklusif, sejahtera, dan memakmurkan Malaysia yang MADANI.

Justeru itu, saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya menjaga kesihatan dan mengamalkan amalan pemakanan yang baik dan sihat. Berhati-hati di jalan raya semasa cuti umum ini.

Sekian, terima kasih.